

Bahagian A

[50 markah]

Jawab mana-mana **lima** soalan daripada bahagian ini.

- 1 (a) Terangkan kaedah perniagaan yang digunakan oleh organisasi bukan bermotifkan untung. [4 markah]
- (b) Perbualan berikut berkaitan dengan bentuk pemilikan perniagaan.



- (i) Apakah jenis pemilikan perniagaan tersebut ? [1 markah]
- (ii) Jelaskan kelebihan pemilikan perniagaan di 1 (b) (i). [5 markah]

- 2 a) Jadual berikut berkaitan dengan saiz perniagaan berasaskan pengilangan bagi dua buah perniagaan.

Faktor	Perniagaan S	Perniagaan T
Jumlah Jualan Tahunan	RM300 000 hingga kurang daripada RM15 juta	Melebihi RM50 juta
Bilangan Pekerja Tetap	5 hingga kurang 75 orang	200 orang ke atas

Berdasarkan maklumat di atas :

i). Tentukan saiz perniagaan S dan T [2 markah]

ii). Jelaskan kelebihan saiz perniagaan S berbanding dengan saiz perniagaan T [4 markah]

b) Maklumat berikut berkaitan dengan kadar pengangguran di Malaysia .

Jul 14 2020, PUTRAJAYA - Kadar pengangguran di Malaysia meningkat kepada 5.3 peratus pada Mei tahun ini yang mencatatkan 826,100 penganggur, menurut Jabatan Perangkaan.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata “berikutan pengesanan peningkatan kluster koronavirus (Covid-19) dalam kalangan pekerja asing oleh pihak berkuasa kesihatan, penurunan pekerja yang ketara turut berlaku dalam sektor pembinaan.


Berikutan fasa PKP bersyarat masih tidak membolehkan perniagaan beroperasi seperti biasa, kumpulan pekerja ini telah dan berisiko tinggi untuk kehilangan pekerjaan dan pendapatan,”

Sumber:<https://www.sinarharian.com.my/article/92162pengangguran-di-Malaysia->

i) Apakah jenis pengangguran tersebut [1 markah]

ii). Jelaskan pengangguran di 2 (b) (i) [3 markah]

- 3 a) Rajah 1 menunjukkan carta pai kadar peratusan syer pasaran yang wujud bagi perniagaan perkhidmatan dobi di Kota Bharu.



Rajah 1

Berdasarkan maklumat dalam carta pai, jelaskan syer pasaran Perniagaan Ramlee.

[4 markah]

- b) Maklumat berikut berkaitan dengan peranan satu bahagian fungsian dalam organisasi perniagaan.

- Melibatkan penyelidikan dan pembangunan tentang produk baharu.
- Membuat penambahbaikan terhadap produk yang sedia ada.
- Wujud dalam kebanyakan industri dan rekaan produk.

Jelaskan tujuan bahagian fungsian ini diwujudkan.

[3 markah]

- c) Jelaskan kepentingan interaksi sesebuah perniagaan dengan organisasi luar. [3 markah]

- 4 (a) Pengurusan sumber manusia dalam sesebuah perniagaan mempunyai peranan yang tertentu.

Jelaskan peranan yang berikut :

- | | | |
|------|-----------------------------------|------------|
| (i) | Pemberian insentif yang munasabah | [3 markah] |
| (ii) | Pemberhentian kerja | [3 markah] |

- (b) Apakah faktor-faktor penentu sistem penggajian? [4 markah]

- 5 (a) Jelaskan tujuan usahawan memohon hak cipta terpelihara. [3 markah]

(b) Jelaskan sumber pembiayaan berikut :

- | | | |
|------|-----------|------------|
| (i) | Sewa beli | [2 markah] |
| (ii) | Ar-Rahnu | [2 markah] |

(c) Situasi berikut berkaitan dengan lokasi yang sesuai.

Pemilihan lokasi yang sesuai merupakan faktor yang amat penting untuk memulakan perniagaan

Jelaskan ciri-ciri lokasi yang sesuai dipilih oleh usahawan bagi memulakan perniagaan.

[3 markah]

- 6 (a) Jelaskan perbezaan kos tetap dan kos berubah. [4 markah]

(b) Gambar 1 menunjukkan agensi sumber pembiayaan.



Gambar 1

Apakah kelebihan mendapatkan pembiayaan daripada agensi di atas.

[2 markah]

(c) Jelaskan keberuntungan perniagaan kepada usahawan ?

[4 markah]

Bahagian B

[30 markah]

Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.


- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan Encik Safuan.

Encik Safuan ingin menubuhkan syarikat yang menawarkan perniagaan menjual perabot dan peralatan pejabat. Beliau akan mendaftarkan perniagaannya di Syarikat Suruhanjaya Malaysia (SSM). Beliau bercadang menubuhkan Syarikat Sendirian Berhad namun rakannya, Encik Zaki lebih berminat menubuhkan Syarikat Awam Berhad.

- (a) Jelaskan faedah Encik Safuan mendaftarkan perniagaan sebagaimana di atas. [6 markah]
- (b) Bandingkan milikan perniagaan yang dicadangkan oleh Encik Safuan dan Encik Zaki. [9 markah]

- 8 Rajah 3 menunjukkan suatu kitaran ekonomi.

Kitaran



Rajah 3

- (a) (i) Apakah peringkat kitaran ekonomi di X dan Y? [2 markah]
- (ii) Semasa berada di peringkat X dan Y, sesebuah organisasi perniagaan gagal mencapai matlamat dan objektif.
Terangkan kesan kepada perniagaan tersebut? [8 markah]
- (b) Jelaskan langkah penyelesaian untuk mengatasi kegagalan tersebut? [5 markah]

- 9 Jadual 1 menunjukkan maklumat yang dipetik dari penyata kedudukan kewangan dua buah perniagaan pakaian

Butiran	Pan Global Textile	Fira Boutique & Fashion
Aset Semasa	105 000	80 000
Ekuiti Pemilik	120 000	108 000
Liabiliti Semasa	25 000	17 000
Aset Bukan Semasa	90 000	70 000
Liabiliti Bukan Semasa	50 000	25 000

Jadual 1

- a) Jelaskan konsep nisbah kecairan [3 markah]
- b) Hitungkan Nisbah Semasa perniagaan Pan Gloibal Textile dan Fira Boutique & Fashion [6 markah]
- c) Bandingkan prestasi nisbah semasa bagi kedua-dua perniagaan tersebut.
Berikan ulasan anda. [6 markah]

Bahagian C

[20 markah]

soalan ini wajib dijawab.

- 10 Syarikat D&T Sdn. Bhd. merupakan pengeluar minyak masak jenama “FAIZ” di Kelantan. Syarikat milik Encik Faiz ini beroperasi di Kuala Krai, Kelantan dengan bilangan pekerja tetap sekarang seramai 50 orang. Bilangan pekerja telah bertambah berbanding hanya 20 orang sahaja pada awal penubuhan pada tahun 2014. Kilang ini telah berjaya memenuhi setiap tempahan dari pelbagai pelanggan di seluruh negeri Kelantan. Permintaan dari peniaga dan pengguna semakin meningkat hasil produk berkualiti, diyakini bersih dan halal di samping promosi hebat yang dijalankan.. Berikut adalah data berkaitan jumlah jualan tahunan Syarikat D&T Sdn. Bhd.:

Tahun	Nilai Jualan Tahunan (RM)
2014	500,000
2015	550,000
2016	600,000
2017	700,000
2018	720,000
2019	700,000

Akhir-akhir ini pihak syarikat menghadapi masalah pekerja lama yang berpengalaman bertukar jawatan, kenaikan pangkat atau berhenti menyebabkan berlaku beberapa kekosongan jawatan penting. Tambahan pula mesin dan lain-lain peralatan selalu rosak dan sukar dibaiki. Situasi ini secara tidak langsung menyebabkan prestasi syarikat merosot.

Bagi memenuhi kekosongan jawatan ini, Puan Normala selaku Pengurus Sumber Manusia di syarikat berkenaan mencadangkan agar pekerja dari luar dipelawa untuk mengisi kekosongan jawatan. Walau bagaimanapun Encik Faiz tidak bersetuju dengan cadangan itu. Syarikat D&T Sdn. Bhd. juga bercadang menggantikan mesin memproses minyak dan peralatan serta kemudahan yang telah lama digunakan dengan peralatan teknologi moden dan terkini.

Berdasarkan kes tersebut, jawab soalan-soalan berikut :

- (a) (i) Apakah trend perniagaan Syarikat D&T Sdn. Bhd. dari tahun 2014 hingga 2018? Berikan alasan anda. [3 markah]
- (ii) Lakarkan graf yang menunjukkan trend di 10 (a)(i). [2 markah]
- (b) Pada pendapat anda, mengapakah Encik Faiz tidak bersetuju dengan cadangan Puan Normala? [4 markah]
- (c) Bagaimana kemudahan teknologi mempengaruhi produktiviti di kilang EncikFaiz ? [5 markah]
- (d) Huraikan prosedur yang diperlukan oleh Encik faiz untuk menguruskan mesin dan peralatan serta kemudahan teknologi yang digunakan. [6 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT